

Bil. S 5

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

(Perintah di bawah bab 83(3) dan (5))

**PERINTAH DARURAT (PERBEKALAN TAMBAHAN) (1999) (BIL. 4), 1999**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan satu Pemasyhuran Darurat bertarikh 27 haribulan Jun, 1998 telah mengisytiharkan satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (3) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu masih berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bolehlah membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh ceraian (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut akan termasuk kuasa membuat peruntukan kewangan yang boleh jadi diperlukan sepanjang tempoh darurat termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ribu, lima ratus sembilan puluh enam juta, satu ratus lapan puluh tujuh ribu dan tiga ratus lapan puluh ringgit (\$3,596,187,380.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1999), 1998;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga ratus enam puluh lima juta, tujuh ratus tujuh puluh tujuh ribu dan enam ratus tujuh puluh ringgit (\$365,777,670.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil.1), 1999;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang dua puluh empat juta, lima ratus dua belas ribu, lapan puluh tiga ringgit dan empat puluh satu sen (\$24,512,083.41) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 2), 1999;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang satu ratus dua puluh tujuh juta, lapan ratus lapan puluh sembilan ribu, enam ratus ringgit dan lapan puluh tiga sen (\$127,889,600.83) telah diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 3), 1999;

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak lapan puluh tujuh juta, tujuh ratus lapan puluh ribu ringgit (\$87,780,000.00);

SEKARANG, DARI ITU, dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh cerai-ceraian (3) dan (5) dari bab 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah seperti berikut —

|                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
|----------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Gelaran.                               | 1. Perintah ini bolehlah digelar sebagai Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 4), 1999.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |
| Perbelanjaan Tambahan bagi Tahun 1999. | 2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi lapan puluh tujuh juta, tujuh ratus lapan puluh ribu ringgit (\$87,780,000.00) daripada Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan perkhidmatan yang ditentukan dalam Jadual untuk tahun 1999 yang tidak diperuntukkan atau tidak sepenuhnya diperuntukkan oleh Perintah Darurat (Perbekalan) (1999), 1998, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil.1), 1999, Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 2), 1999 dan Perintah Darurat (Perbekalan Tambahan) (1999) (Bil. 3), 1999 adalah dengan ini dibenarkan. |
| Memperuntukkan.                        | (2) Wang tersebut adalah diperuntukkan bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |

#### JADUAL

| Tajuk                | Gelaran               | Jumlah Yang Diperuntukkan |
|----------------------|-----------------------|---------------------------|
| KEMENTERIAN KEWANGAN |                       |                           |
| S.D52                | Perkhidmatan Rampaian | 87,780,000.00             |
|                      |                       | <u>\$87,780,000.00</u>    |

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Ramadan, 1420 Hijrah bersamaan dengan 25 haribulan Disember, 1999 Masihi, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM